

Pelajar bijak bosan dengan sistem pendidikan negara ini yang banyak menghafal

60 budak pintar berhijrah setiap tahun

BANGI – Kira-kira 60 hingga 65 orang budak pintar Malaysia berhijrah ke luar negara setiap tahun bagi mendapatkan pendidikan khas yang mampu melonjakkan potensi diri mereka.

Pengarah Pusat Permata Pintar Negara, Prof. Datuk Dr. Noriah Mohd. Ishak (**gambar**) berkata, kemudahan pendidikan bagi budak pintar di Malaysia ketika ini jauh ketinggalan berbanding negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Australia dan United Kingdom serta negara-negara jiran termasuk Singapura dan Vietnam.

Beliau berkata, ketika ini hanya Pusat Permata Pintar Negara yang menawarkan pendidikan untuk kanak-kanak pin-

tar di negara ini berbanding Vietnam yang mempunyai 32 pusat pendidikan khas bagi golongan luar biasa itu.

“Sistem pendidikan kita banyak menghafal untuk peperiksaan tetapi kebanyakan pelajar pintar kita tidak suka menghafal, inilah masalahnya.

“Mereka perlukan pendidikan berbeza, kalau tidak, dia akan cepat bosan dan dia duduk di belakang kelas dan mula mengacau cikgu dan kawan-kawan. Akhirnya dia akan dipindahkan ke kelas hujung,” katanya pada siri ceramah awam bertajuk *Kenali Anak Berbakat* di Pusat Permata Pintar



Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia di sini semalam.

Noriah berkata, kanak-kanak pintar juga perlu diberi peluang untuk terus melangkaui masuk ke kelas lebih tinggi tanpa mengira umur supaya tahap pembelajaran yang diperolehi bersesuaian dengan tahap kebolehan mereka.

Ini kerana, katanya, pelajar pintar mampu memproses maklumat dengan lebih pantas ber-

banding pelajar biasa

“Jika anak itu *gifted*, tidak perlu masuk darjah satu. Contohnya anak itu sudah boleh membaca, ABC dan tahu menolak, mencampur, membahagi dan sebagainya

sebelum masuk darjah satu.

“Kalau dia maju lagi, masuk terus darjah empat bergantung kepada kebolehan anak itu. Ini dipanggil kemasukan awal, bermakna kita pecutkan pembelajaran dia,” katanya.

Selain itu, katanya, sistem pendidikan negara juga menetapkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diambil oleh pelajar berumur 17 tahun sedangkan terdapat pelajar Permata Pintar yang telah layak mengambil peperiksaan itu ketika berumur 13 tahun lagi.

“Mereka tidak boleh mengambil SPM melainkan saya menulis surat secara peribadi kepada jabatan terbabit untuk membenarkan pelajar itu ambil peperiksaan lebih awal,” katanya. - Bernama